

Kampung Bharu menjelang 2035

Tiga strategi pembangunan semula akan diberi tumpuan untuk memberi ia wajah baru


■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Tiga strategi pelaksanaan akan diberi tumpuan dalam usaha membangunkan semula Kampung Bharu agar pemilik dan pewaris mampu memperoleh manfaat maksimum mungkin.

Pengerusi Perbadanan Kampung Bharu (PKB), Datuk Astaman Abdul Aziz berkata, ia meliputi penyatuan lot, pembangunan melalui mekanisme 'transfer of development rights' dan Program 'Business Improvement District Scheme (BID's)'.
Menurutnya, ia merupakan antara cadangan yang akan dibentangkan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampung Bharu dalam usaha meyakinkan mereka potensi hartanah apabila dibangunkan.

"Strategi pelaksanaan menerusi tiga aspek ini dibuat berdasarkan zon iaitu zon A, Zon B dan zon C, di mana penyatuan lot akan dibuat di Zon A yang berkeluasan 70.22 ekar.

"Penyatuan tanah milik individu (saiz minimum 30,000 kaki persegi) membolehkan pembangunan yang lebih efisien dan berkualiti berpandukan



Strategi pembangunan semula Kampung Bharu dicadangkan mengikut zon.

garis panduan khusus.


"Kawasan dicadangkan menggunakan kaedah ini adalah Kampung Atas A, Kampung Atas B, dan sebahagian Kampung Periuk, dan kini perbincangan bersama pemilik dan pewaris tanah sedang dilakukan PKB," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah beliau, strategi seterusnya dirancang di zon B yang berkeluasan 195.45 ekar, membolehkan pembangunan semula secara komprehensif mengikut pelan induk bagi meningkatkan nilai hartanah.

Dengan kaedah ini, pemilik yang bersetuju akan memindahkan hak pembangunan kepada entiti yang akan dipertanggungjawabkan untuk memegang hak pembangunan tersebut.

an semula Kampung Bharu berteras-kan tiga aspek utama iaitu pengkalan elemen budaya, mewujudkan pembangunan hijau yang lengkap dengan ruang awam, taman serta landskap indah, serta mewujudkan pembangunan mampan daripada aspek pembangunan ekonomi, sosial dan kewangan.

Draf Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampung Bharu 2020 (PITPKB 2020) turut memberi penekanan dalam aspek pengkalan budaya, sejarah dan warisan melibatkan rumah-rumah tradisional Melayu sedia ada, pengkalan nama-nama jalan, pengkalan dan penambahbaikan bangunan serta kemudahan utama komuniti seperti Masjid Jamek Kampung Bharu, Kelan Sultan Sulaiman, dan bangunan-bangunan utama ibadat bukan Islam.



Kampung Bharu pada awal kemunculannya sekitar tahun 1900.

Sinar 30/3/14 MS 21

lantai kasar berdasarkan nisbah plot maksimum yang dibenarkan dalam Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.

Menurutnya, daripada jumlah ruang lantai kediaman dan 60 peratus ruang lantai perdagangan dan pembangunan bercampur sementara 10 peratus lagi adalah pembangunan inisiatif dan kemasyarakatan.

"Pembangunan semula yang dijangka dilaksanakan sehingga tahun 2035, akan mampu memenuhi jumlah kelesaan penduduk seramai 77,000 orang dengan sejumlah 17,500 unit kediaman.

"PITPKB 2020 juga akan menyediakan kawasan taman dan rekreasi sejumlah 12 peratus, lengkap dengan laluan pejalan kaki dan basikal hang

INFO

Menyingkap sejarah Kampung Bharu

- Dibuka sejak 1899 melalui tanah kurniaan Sultan Selangor, Sultan Sulaiman atau Sultan Alauddin Sulaiman Syah Raja Muda Musa.
- Kampung Bharu dibentuk daripada tujuh kampung kecil iaitu Kampung Hujung Pasir, Kampung Periuk, Kampung Masjid, Kampung Pindah, Kampung Paya, Kampung Atas A dan Kampung Atas B.
- Pada awalnya kampung tersebut terbentuk apabila sekumpulan orang Melayu yang tinggal di kawasan Sungai Gombak dan Sungai Klang terpaksa berpindah



Pusat kebudayaan dan ekonomi Melayu

Aspirasi pembangun-

Astaman berkata, cadangan PITPKB 2020 dijangka akan menjana sejumlah 90 juta kaki persegi ruang

kesinambungan bagi mewujudkan sebuah pambandan baru yang mesra pengguna," katanya.

untuk memberi ruang kepada pembangunan Kuala Lumpur.

- Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, Kampong Bharu menjadi tumpuan penghijrahan penduduk dari negeri-negeri Semenanjung yang mendapat pekerjaan di Kuala Lumpur.